

# Saya bukan bodoh untuk letak jawatan — Mahathir

UM  
KUALA LUMPUR 25

Ogos — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menegaskan beliau tidak "begitu bodoh atau kurang siuman" untuk meletak jawatan sebagai Perdana Menteri setelah beliau memandu kejayaan Barisan Nasional dalam pilihanraya umum baru-baru ini.

Beliau menjelaskan, salah satu sebab kenapa pilihanraya umum diadakan setahun lebih awal ialah untuk membuktikan sebagai palsu khabar-khabar angin kononnya kerajaan telah kehilangan sokongan orang ramai.

Perdana Menteri berkata beliau menjangkakan kemenangan cemerlang parti pemerintah itu akan meletakkan khabar - khabar angin itu.

Malangnya, penyebar-penyebar khabar - khabar angin masih 'sibuk' mengedarkan cerita - cerita dongeng yang ganjil dan luar biasa.

"Khabar - khabar angin terbaru ialah kononnya Perdana Menteri hendak meletak jawatan. Saya bukan begitu bodoh atau kurang siuman untuk meletakkan jawatan setelah saya memandu parti saya ke arah kemenangan," tegasnya semasa berucap di jamuan makan malam tahunan institusi - institusi kewangan di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, negara menghadapi jalan kesukaran yang dirumitkan lagi dengan perbuatan - perbuatan sengaja oleh golongan - golongan tertentu untuk membantutkan usaha kerajaan untuk memulihkan ekonomi negara.

Namun demikian, beliau gembira kerana rakyat Malaysia telah memilih semula parti kerajaan dengan majoriti besar yang jelas membuktikan undi keyakinan terhadap tindakan dan polisi kerajaan.

"Sudah tentu, penganalisa - penganalisa yang kecewa sedang menyatakan yang kalah adalah yang menang sebenarnya. Tetapi orang ini perlu berusaha untuk memulihkan semula kehilangan kredibiliti mereka," ujarnya.

"Sebagai bankers, Perdana Menteri berharap mereka menyedari akan keburukan disebabkan oleh khabar - khabar angin dan oleh demikian, mereka sepatutnya menghargai masalah kerajaan untuk memulihkan semula ekonomi."